

Perspektif Pemain Industri Terhadap Prosedur Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam mengawalselia Penerbitan Terjemahan al-Quran

[Perspectives of Industry Players on the Procedures of the Malaysian Islamic Development Department in Regulating the Publication of al-Quran Translations]

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 085-94
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 Jun 2022
Accepted: 29 October 2022
Published: 11 November 2022

Muhammad Hadi Moin Abdul Latiff¹ & Haziyah Hussin¹

¹ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: hadimoin19@gmail.com & haziyah@ukm.edu.my

* Corresponding Author: haziyah@ukm.edu.my

Abstrak

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah badan yang bertanggungjawab menyemak dan menilai penerbitan terjemahan al-Quran yang dihasilkan oleh penerbit. Beberapa prosedur dan peraturan disediakan namun masih terdapat isu ketidaksetepatan kandungan dalam terjemahan al-Quran. Artikel ini membincangkan mekanisme yang digunakan oleh JAKIM untuk mengawal selia penerbitan terjemahan al-Quran serta pandangan dan cadangan pemain industri penerbitan al-Quran dan terjemahan di Malaysia terhadap prosedur tersebut. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif. Data kajian ini dikumpulkan menerusi metode temu bual separa berstruktur bersama pegawai JAKIM, ketua editor syarikat penerbit al-Quran dan analisis dokumen. Data tersebut kemudian dianalisis secara deskriptif, manakala data temubual ditranskripsi dan dianalisis berdasarkan tema. Hasil kajian ini mendapati mekanisme JAKIM dalam mengawal selia penerbitan terjemahan al-Quran ialah dengan melantik panel penyemak; penerbit berhubung dengan panel penyemak; penerbit melakukan penambahbaikan atau pembetulan; panel penyemak menyediakan laporan akhir; JAKIM memberikan perakuan. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti tiga isu utama yang diketengahkan oleh pemain industri terhadap prosedur kawalan terjemahan al-Quran JAKIM, iaitu ketiadaan lajnah khusus yang dipertanggungjawab untuk menyemak terjemahan al-Quran, ketiadaan tempoh masa semakan dan perakuan serta ketiadaan garis panduan yang komprehensif bagi penterjemahan dan semakan al-Quran. Kajian ini menunjukkan prosedur kawalan penerbitan terjemahan al-Quran perlu ditambahbaik pada masa hadapan justeru ia memerlukan inovasi dilakukan.

Kata kunci: Terjemahan al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Percetakan al-Quran.

Abstract

The Islamic Development Department of Malaysia is the body responsible for reviewing and evaluating the translation of the Quran produced by publishers. Some procedures and rules are provided but there is still the issue of content inaccuracy in the translation of the Quran. This article discusses the mechanism used by JAKIM to regulate the publication of al-Quran translations as well as the views and suggestions of the players in the al-Quran publishing and translation industry in Malaysia regarding the procedure. The design of this study is qualitative. The data for this study was collected through semi-structured interviews with JAKIM officials, the editor-in-chief of the al-Quran publishing company and document analysis. The data was then analyzed descriptively, while the interview data was transcribed and analyzed based on themes. The results of this study found that JAKIM's mechanism in regulating the publication of al-Quran translations is to appoint a panel of reviewers; the publisher

liaises with the review panel; the publisher makes improvements or corrections; the review panel prepares the final report; JAKIM gives a certificate. In addition, this study also identified three main issues highlighted by industry players regarding JAKIM's al-Quran translation control procedures, namely the absence of a specific department responsible for reviewing the al-Quran translation, the absence of a review and certification period and the absence of comprehensive guidelines for translation and revision of the Quran. This study shows that the control procedure for the publication of al-Quran translations needs to be improved in the future, therefore it requires innovation.

Keywords: *Translation of the Quran, Department of Islamic Development Malaysia, Printing of the Quran.*

Cite This Article:

Muhammad Hadi Moin Abdul Latiff & Haziyah Hussin. (2022). Perspektif Pemain Industri Terhadap Prosedur Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam mengawalselia Penerbitan Terjemahan al-Quran [Perspectives of Industry Players on the Procedures of the Malaysian Islamic Development Department in Regulating the Publication of al-Quran Translations]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 085-94.

Pengenalan

Penerbitan terjemahan al-Quran menunjukkan peningkatan yang ketara dari semasa ke semasa. Pada hari ini terdapat perkembangan dan peningkatan jumlah penerbitan terjemahan al-Quran dalam negara ini. Antara syarikat-syarikat penerbitan yang banyak menghasilkan buku terjemahan al-Quran ialah syarikat Telaga Biru, Karya Bestari dan Hidayah Publishers. syarikat penerbitan Telaga Biru menerbitkan 14 terbitan terjemahan al-Quran (Telaga Biru 2022,syarikat Karya Bestari menerbitkan 30 terbitan (Karya Bestari 2022) manakala Hidayah Publishers mempunyai 21 terbitan (Hidayah 2022).

Pendekatan yang pelbagai itu meliputi aspek persempahan, reka bentuk dan penyampaian makna. Terdapat pelbagai reka bentuk buku terjemahan al-Quran yang dihasilkan seperti saiz dan warna. Syarikat penerbitan mempelbagaikan saiz dan warna bagi memberi pelbagai pilihan kepada pembeli. Terdapat buku terjemahan al-Quran yang bersaiz A5, A4 dan A3. Begitu juga aspek warna terutama warna kulit hadapan dan warna setiap muka surat. Dalam satu buku terjemahan al-Quran mempunyai berberapa pilihan warna.

Selain itu, judul atau tajuk sesuatu karya terjemahan al-Quran berbeza mengikut pendekatan atau penekanan yang dibawa. Contohnya, Tafsir Al Quran Perkata Bertajwid, al Quran Terjemahan al-Ghufran dengan Panduan Waqaf & Ibtida' dan al Quran al Karim & Terjemahaan Ar Rayyan Dengan Panduan Waqaf & Ibtida'. Peningkatan ini menyebabkan munculnya kepelbagaian dalam aspek penyampaian makna. Kepelbagaian ini seterusnya menimbulkan isu ketidaksetepatan dalam terjemahan makna al-Quran (Azmi Subhi 2013).

Justeru, pihak bertanggungjawab perlu memastikan terbitan terjemahan al-Quran yang sampai kepada masyarakat adalah terjemahan yang sahih dan boleh dipercayai. Lantaran itu, pihak terlibat harus memperkemaskan prosedur kerja dalam tapisan dan kawalan terhadap terjemahan al-Quran. ia penting kerana terjemahan al-quran merupakan medium yang signifikan dalam membantu masyarakat yang tidak menguasai bahasa Arab untuk memahami kandungan al-Quran.

Kajian ini bertujuan menganalisis pandangan pihak industri terhadap tatacara penapisan dan kawalan terjemahan al-Quran yang dilakukan oleh JAKIM. JAKIM melalui cawangan kajian al-Quran dan Hadith, Bahagian Penyelidikan JAKIM bertanggungjawab mengkaji, menapis, menganalisis dan mengawal setiap terjemahan al-quran yang ingin diterbitkan. Hasil daripada kajian ini dapat menambahbaik proses kajian dan penapisan serta kawalan yang dilakukan oleh JAKIM pada masa hadapan.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menyemak dan menilai penerbitan terjemahan al-Quran yang dihasilkan oleh penerbit. Beberapa prosedur dan peraturan disediakan namun masih terdapat isu ketidaktepatan kandungan dalam terjemahan al-Quran. Namun begitu, masih berlaku isu ketidaktepatan terjemahan al-Quran khususnya melibatkan ayat-ayat *mutasyabihāt*. Contohnya, frasa “*yad Allah*” diterjemahkan sebagai tangan Allah dan frasa “*fathamma wajhu Allah*” diterjemahkan maka di sanalah wajah Allah (Karya Bestari 2014).

Artikel ini membincangkan tujuan penerbit menghasilkan pelbagai jenis pendekatan terjemahan al-Quran dan mekanisme yang diguna pakai oleh JAKIM untuk mengawal selia penerbitan terjemahan al-Quran serta pandangan dan cadangan pemain industri penerbitan al-Quran dan terjemahan di Malaysia terhadap prosedur tersebut. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif. Data kajian ini dikumpulkan menerusi metode temu bual separa berstruktur bersama pegawai JAKIM, ketua editor syarikat penerbit al-Quran dan analisis dokumen. Tiga sampel Karya Bestari, Hidayah Publishers dan Telaga Biru. Data tersebut kemudiannya, dianalisis secara deskriptif, manakala data temubual ditranskripsi dan dianalisis berdasarkan tema.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dari jenis kajian kes. Menurut Mohd Majid (2005), kelebihan utama penggunaan kajian kes ialah dapat mendalamai tentang maklumat sesuatu kes. Pendekatan kajian yang dilakukan oleh Rabi'atul Athirah (2021) dijadikan panduan dalam kajian ini dengan sedikit pengubahsuaian dilakukan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual terhadap seorang wakil dari tiga buah syarikat penerbitan yang berbeza iaitu syarikat Karya Bestari, Hidayah Publishers dan Telaga Biru. Kajian berbentuk penerokaan ini menemu bual secara mendalam kesemua peserta kajian. temu bual secara mendalam separa struktur dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang kukuh tentang kefahaman mereka berkaitan prosedur kerja kawalan dan tapisan terjemahan al-Quran yang sedang dilaksanakan oleh JAKIM. Peserta kajian dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang digariskan oleh pengkaji dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (purposive sampling) supaya data yang diberikan mampu menjawab persoalan kajian dengan baik. Kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini ialah peserta kajian merupakan ketua editor bahagian penerbitan al-Quran bagi syarikat masing-masing dan bersedia berkongsi pengalaman mereka bersama pengkaji. Kemudian, kaedah penganalisisan data dilakukan melalui kaedah menyediakan transkripsi dan mereduksi data secara analisis tematik.

Pelaksanaan Tapisan dan Kawalan Terjemahan al-Quran di JAKIM

Tapisan terjemahan al-Quran secara umumnya adalah salah satu daripada tapisan dan kawalan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam. Namun begitu, JAKIM bertanggungjawab untuk menjalankan kajian dan semakan ke atas terjemahan dan tafsir al-Quran. Syarikat penerbitan perlu menghantar manuskrip terjemahan al-Quran kepada JAKIM bagi mendapat perakuan dan kelulusan untuk diterbitkan. Penapisan tafsir dan terjemahan al-Quran dilaksanakan oleh Cawangan Kajian al-Quran dan Hadith, Bahagian Penyelidikan JAKIM. Tugas ini adalah sejajar dengan keputusan Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja pada 28 Julai 2009. Perbincangan ini menjelaskan proses pelaksanaan tapisan dan kawalan terjemahan al-Quran oleh JAKIM.

Melantik Panel Penyemak

JAKIM melantik panel penyemak bagi menilai suatu permohonan karya terjemahan dari syarikat penerbitan. Panel penyemak yang dipilih oleh JAKIM adalah dalam kalangan kumpulan profesional atau pakar bidang al-Quran dan al-Sunnah dari Universiti tempatan. Ahli panel yang dipilih juga berdasarkan kepada sesuatu semakan karya terjemahan al-Quran dan Ketua Penyelidik berhak memilih ahli kumpulan bagi memudahkan proses semakan bahan tersebut. Berikut data temubual yang menyokong pernyataan di atas.

Kita ambil pensyarah UM, pensyarah USIM dan juga UKM. Kriteria dia syarat dia itulah antaranya dia pakar dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah dalam biasanya sebelum ini kita berdasarkan satu al-Quran satu team. Dan biasanya dalam satu team tu katalah ada 5 hingga 10 orang tetapi tertakluk kepada ketua lah. Dia akan ada pakar bahasa, dia akan ada pakar fiqh, syariah dalam tu juga. (PK-J1)

Penerbit Berhubung Dengan Panel Penyemak

Setelah panel penyemak dilantik oleh JAKIM, pihak penerbit diminta berhubung terus dengan panel. Penerbit dimaklumkan oleh JAKIM, panel penyemak yang bertanggungjawab dalam menyemak hasil terjemahan mereka. Mereka akan berhubung secara langsung bagi memudahkan lagi proses pembetulan dan juga pembayaran. Berikut dikemukakan contoh petikan temubual yang menyokong pernyataan tersebut.

JAKIM memang memohon hurm penerbit untuk bekerjasama terus dengan panel yang mereka cadangkan panel yang dilantik tadi. Jadi setakat ini memang kami hurm berhubung dengan panel yang dilantik. (PK-S1)

Buat masa sekarang ni memang apa yang dibuat ataupun SOPnya pihak penerbit perlu berhubung terus dengan panel JAKIM yang dilantik tu. Buat masa sekarang ni kami mengamalkan kaedah macam tu lah. (PK-S2)

Haa ye. Memang bila JAKIM dah lantik siapa panel penyemak dah tetapkan siapa panel penyemak kita tu, kita akan berhubung terus lah dengan penyemak. (PK-S3)

Penerbit Membuat Pembetulan/ Teguran Dari Panel

Setelah panel penyemak dilantik oleh JAKIM, pihak penerbit diminta berhubung terus dengan panel. Penerbit dimaklumkan oleh JAKIM, panel penyemak yang bertanggungjawab dalam menyemak hasil terjemahan mereka. Mereka akan berhubung secara langsung bagi memudahkan lagi proses pembetulan dan juga pembayaran. Berikut dikemukakan contoh petikan temubual yang menyokong pernyataan tersebut.

Pengalaman kami kalau lah hurm panel penilai mencadangkan terjemahan yang mungkin lebih tepat sudah pasti lah kita akan ikut berdasarkan ilmu al-Quran yang mereka ada. Jadi kita akan ikut, akan akur lah dengan cadangan yang mereka ada. (PK-S1)

Apa sahaja cadangan dan juga pembetulan yang dikomen ataupun yang dibuat oleh panel penyemak itu kita akan buat semua sekali hurm cuma sekiranya ada cadangan untuk penambahbaikan. (PK-S2)

Kita akan buat lah apa yang dicadangkan oleh panel penyemak, kita akan berunding apa semua. So sesuai ke tak. So memang kalau dari segi terjemahan tu ada problem kita akan buat pembetulan lah apa yang dicadangkan oleh panel penyemak. Memang kita akan buat apa yang panel penyemak suruh buat. (PK-S3)

JAKIM Meneliti Laporan Dari Panel Dan Memberi Perakuan

Panel penyemak akan menyediakan laporan semakan kepada JAKIM untuk diteliti dan diberi perakuan. Perakuan atau kesahan diberikan sekiranya pihak penerbit membuat pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan cadangan dan teguran dari panel penyemak. Berikut dikemukakan contoh petikan temubual yang menyokong pernyataan tersebut:


JAKIM akan semak laporan akhir panel. Apa kata panel yang terakhir erm dia akan kata penerbit telah mengikuti sepenuhnya cadangan penambahbaikan yang telah dibuat oleh pihak panel penyelidik ni dan takde sebarang penolakan pun tolak tarik ke apa kan erm dan pihak panel berpuas hati dengan semua yang telah dibuat erm jadi kita follow apa yang panel nak dan angkat kepada pengurusan tertinggi maklumkan benda-benda ni erm dan pengurusan tertinggi setuju untuk diperakuan dan kita pun perakuan. (PK-J1)

Data temubual di atas bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Radihan (2011) yang menjelaskan pihak JAKIM akan melantik panel penyemak dalam proses kajian dan tapisan media cetak bagi membuat semakan, penilaian dan laporan kajian untuk membantu JAKIM mengkaji buku-buku mengikut bidang kepakaran masing-masing. Manakala bagi tujuan penyemakan terjemahan al-Quran JAKIM melantik panel penyemak yang mahir dalam bidang al-Quran, al-Sunnah, Bahasa Arab dan Fiqh (JAKIM 2019).

Tindakan JAKIM melantik panel penyemak yang mahir dalam setiap bidang selari dengan tuntutan para ulama. Para ulama menggariskan beberapa ilmu yang perlu dikuasai untuk menghasilkan terjemahan al-Quran antaranya Bahasa Arab, Fiqh, Mantiq, Asbab al-Nuzul, Tafsir, Hadis dan lain-lain (Al- Dhahabī 1976; Zarqanī 1988; Mannā^c al-Qatṭān 1998). Ahmad Bazli (2014) pula berpandangan perlu ditubuhkan Jawatankuasa Semakan Terjemahan al-Quran yang dianggotai oleh golongan pakar dalam bidang yang berkaitan bagi memastikan setiap terjemahan al-Quran yang diterbitkan adalah tepat dan sahih mengikut kaedah sebenar.

Haziyah & Hadi (2020) turut mempunyai pandangan yang sama. Mereka menyatakan bagi menghasilkan karya terjemahan yang autentik dan tepat maka penterjemahan al-Quran wajar dilakukan secara berkumpulan atau sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar bidang; bahasa Arab, bahasa sasaran, Ulum al-Quran dan tafsir, Usuluddin serta Syariah. Hal ini bertujuan menampung syarat-syarat yang dikenakan ke atas penterjemah di samping meningkatkan ketepatan terjemahan.

Panel yang dilantik akan menyediakan laporan terhadap semakan sesuatu terjemahan al-Quran. Semasa proses semakan berjalan, pihak penerbit diberi ruang untuk melakukan pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan teguran yang diberikan oleh panel penyemak. Pihak JAKIM akan meneliti laporan akhir yang disediakan oleh panel penyemak. Satu laporan akhir terhadap sesuatu terjemahan itu akan dihantar kepada KDN untuk proses kelulusan percetakan dan penerbitan (Adawiyah 2019). Proses kerja tapisan dan semakan terjemahan al-Quran oleh JAKIM ditunjukkan seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Prosedur tapisan dan semakan terjemahan al-Quran JAKIM

Sumber: JAKIM (2019)

Perspektif Penerbit Terhadap Prosedur Tapisan dan Kawalan Terjemahan al-Quran oleh JAKIM

Pihak penerbit mempunyai pandangan mereka tersendiri terhadap prosedur tapisan dan kawalan terjemahan al-Quran yang dilaksanakan oleh JAKIM. Pandangan ini berdasarkan pengalaman yang mereka lalui setelah beberapa kali menghantar karya terjemahan al-Quran yang dihasilkan bagi tujuan perakuan dan kelulusan.

Belum Mempunyai Pasukan/ Lajnah Khusus

JAKIM tidak mempunyai lajnah khusus untuk menyemak terjemahan al-Quran. ini menyebabkan JAKIM terpaksa menggunakan khidmat kepakaran luar yang mahir dalam bidang terjemahan al-Quran. kepakaran luar yang digunakan oleh JAKIM ialah pensyarah-pensyarah universiti yang pakar dalam bidang al-Quran dan terjemahan al-Quran (Adawiyah 2019). Hal ini berbeza dengan KDN yang mempunyai ahli lajnah mereka yang tersendiri iaitu lebih kurang 30 orang (Abdul Rahman 2002). Berikut adalah sebahagian petikan temu bual yang menonjolkan aspek ini.

Kami melihat JAKIM belum mempunyai team yang khusus. jadi dalam pengalaman karya bestari kita pernah menghantar manuskrip untuk disemak. sekarang ni awal mereka beri kepada hurm satu team dari Darul Quran, satu team tu “surrender”, lepas tu satu team bagi balik, lepas tu mereka serahkan kepada *team* di UKM. (PK-S1)

Memang bila JAKIM dah lantik siapa panel penyemak dah tetapkan siapa panel penyemak kita tu, kita akan berhubung terus lah dengan penyemak. (PK-S1)

Tiada Tempoh Masa Bila Semakan Dapat Disiapkan

JAKIM tidak meletakkan tempoh masa khusus untuk kelulusan suatu terjemahan yang dihantar. Pihak penerbit tidak dimaklumkan bila tarikh khusus sesuatu terjemahan itu siap disemak. Ini kerana JAKIM menyerahkan terjemahan yang diterima kepada penyemak luar seperti pensyarah atau mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran dan terjemahan. Penerbit akan berurus secara langsung dengan panel penyemak. Tempoh masa sesuatu terjemahan itu disemak bergantung kepada kelapangan masa panel penyemak dan juga berapa banyak pembetulan yang perlu dibuat. Berikut adalah sebahagian petikan temubual yang menyokong kenyataan ini.

Jadi setakat ini kekangan kami beberapa tahun, sudah dua tahun kita hantar tiada satu pun yang..belum tembus lagi lah. (PK-S1)

Ada yang sampai setahun pun ada, ada yang sampai setahun lebih pun ada, ada yang sampai setahun pun ada, dan ada yang baru-baru ni agak cepat sikit, ada

yang sampai tiga bulan pun ada, ada yang sampai enam bulan pun ada. paling sikit paling hurm..cepat tiga bulan paling lambat setahun. (PK-S2)

Agak lama dalam setahun lebih, lebih setahun. ada yang lebih setahun pun masih dalam proses lagi. agak lama lah. prosesnya tak susah cuma mungkin proses tu agak lambat lah. prosedur sebab JAKIM dia kena hantar panel. panel lantikan daripada luar. so kita akan deal direct dengan panel ni, so yang tu akan makan masa sikit lah sebab ada buat pembetulan dua tiga kali juga lah pembetulan. (PK-S3)

Tiada Garis Panduan Khusus Dalam Semakan

JAKIM juga tidak mempunyai garis panduan khusus untuk dijadikan panduan oleh pihak penerbit dan panel penyemak. Sekarang ini JAKIM hanya mempunyai garis panduan yang umum berkaitan kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi dalam penterjemahan dan ianya terkandung dalam dokumen-dokumen yang berbeza dan sebahagiannya tidak ditakrifkan dengan jelas. Antaranya Garis Panduan Penapisan Bahan Berunsur Islam, Akta Percetakan Teks Al-Quran Dan Garis Panduan Penulisan Dan Penerbitan Teks Hadith (Adawiyah 2019).

Manakala menurut Ahmad Bazli (2014) belum wujud suatu panduan atau kaedah yang berdisiplin dan diiktiraf dalam amali penterjemahan walaupun aktiviti penterjemahan al-Quran di Malaysia telah berkembang sekian lama. Haziyah & Hadi (2020) mengemukakan pandangan agar garis panduan penterjemahan al-Quran diwujudkan sebagai panduan pihak yang terlibat seperti penerbit atau panel penyemak mengenai kriteria dan ruang lingkup semakan. Berikut adalah sebahagian petikan temubual yang menyokong kenyataan ini.

Jadi saya kira mungkin sop ini belum jelas malah setengah keadaan tu dia punya penyemak pun tak tahu dia semak tu untuk apa sebenarnya, apa betul, apa yang perlu disemak sebenarnya dan apa sahaja ruang lingkup semakan.

(PK-S1)

Oleh kerana benda ni tidak tidak orang kata hurm..tidak ada satu prosedur tentang hurm..skrip yang kita perlu tahu adakah ianya diterima ataupun ditolak (PK-S2)

Kesimpulan

Penerbitan karya terjemahan al-Quran di Malaysia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan dari syarikat penerbitan yang berbeza. Secara umumnya, JAKIM sudah mempunyai satu prosedur kerja berkaitan tapisan dan kawalan terjemahan al-Quran. Namun terdapat beberapa ruang yang boleh ditambahbaik pada masa hadapan. Ini berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh ketua editor. Antaranya ialah menubuhkan satu lajnah khusus bagi menyemak sesuatu terjemahan al-Quran, menetapkan satu garis masa tertentu sebagai panduan kepada penerbit dan juga mewujudkan garis panduan semakan terjemahan al-

Quran. Prosedur kerja tapisan dan kawalan terjemahan al-Quran yang baik dan berkualiti dapat meminimumkan isu ketidaktepatan dalam penterjemahan dan karya terjemahan yang sampai kepada masyarakat merupakan tepat dan sahih. JAKIM perlu menambahbaik prosedur kerja tapisan dan semakan terjemahan al-Quran dengan menukuhan satu lajnah atau pasukan khusus yang tugasnya untuk menilai terjemahan al-Quran. Perjawatan baru boleh diwujudkan bagi membolehkan mereka yang berkelayakan mengisi jawatan tersebut. Selain itu, JAKIM juga perlu meletakkan satu garis masa tertentu untuk dijadikan panduan kepada pihak penerbit bila semakan dapat disiapkan. Akhir sekali, Satu garis panduan penterjemahan al-Quran perlu diwujudkan sebagai panduan semakan kepada ahli panel dan penerbit agar selaras hasil semakan terjemahan al-Quran dan terjemahan yang dihasilkan oleh penerbit sahih dan tepat.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia GUP-2017-122 Pembinaan Garis Panduan Penterjemahan al-Quran ke bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdul Rahman. 2002. *Pemeliharaan Teks al-Quran oleh Kementerian dalam Negeri* (KDN). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Adawiah Lias. 2019. Senario Penterjemahan al-Quran dan Penulisan Hadis di Malaysia Serta Kawalan JAKIM Terhadap Penyelewengan Makna. *Syarahan Industri Fakulti Pengajian Islam- Cabaran Semasa dalam Penterjemahan al-Quran*. 30 April 2019.
- Ahmad Bazli. 2014. *Terjemahan Makna Ayat Kawniyyat dalam Terjemahan al-Quran Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Tafsir Ilmi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azlan Jaafar. 2013. *Masalah Padanan Penterjemahan Perkataan Alatan dalam al-Quran al-Karim*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmi Subhi. 2013. *Terjemahan Surah Al-Qiyamah ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin. 2020. *Perkembangan Penterjemahan al-Quran di Malaysia pada Abad ke 21*. e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020).
- Hidayah Publishers. 2022. Koleksi Terjemahan al-Quran Hidayah Publishers <https://hidayah.com.my/product-category/al-quran-terjemahan/> (9 September 2022)
- Hidayah Publishers. 2022. Koleksi Terjemahan al-Quran Hidayah Publishers <https://hidayah.com.my/product-category/al-quran-terjemahan/> (9 September 2022)
- Karya Bestari. (2022). Koleksi terjemahan al-quran karya bestari. <https://www.karangkrafmall.com/alquran/terjemahan> (9 September 2022)
- Kasyfullah Abd Kadir & Idris Mansor. 2015. *Kawalan Dan Naungan Terhadap Aktiviti Penterjemahan Al-Quran Di Malaysia*.
- Kementerian Dalam Negeri. (2018). *Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith*. Putrajaya: Bahagian Kawalan Penerbitan dan Kawalan Teks Al-Quran.

- Mohd. Shukri Hanapi. 2003. *Terjemahan al-Quran dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Nur Lubis. 2003. *Penterjemahan Makna al-Quran: Kajian ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Hisham & Burhan. 2018. *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam Gagasan dan Amalan*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rabi'atul Athirah. 2021. Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Jurnal al-Turath*. 6(1); 2021
- Radihan Saari. 2011. Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Suatu Pengamatan Awal. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 24:28–41.
- Telaga Biru. 2022. *Koleksi Terjemahan al-Quran Telaga Biru* <https://telagabiru.com.my/collections/al-quran/Mushaf-&-Terjemahan> [9 September 2022]